



**PUSAT PENDIDIKAN FLEKSIBEL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMSFLEC)  
UMS Flexible Education Centre**

Aras 1, Pusat Pengajian Pascasiswazah  
Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel : (+6088-329380)  
Faks : (+6088-329245)  
Email : [umsflec@ums.edu.my](mailto:umsflec@ums.edu.my)



No. Rujukan : UMS/UMSFLEC8.5/600-3/14/12

Tarikh : 29 Mei 2024

**KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**MEMOHON PELEPASAN UNTUK MENGHADIRI PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 2  
SESI 2023/2024 BAGI PELAJAR PENGAJIAN PASCASISWAZAH PUSAT  
PENDIDIKAN FLEKSIBEL UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMSFLEC)**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pusat Pendidikan Fleksibel Universiti Malaysia Sabah (UMSFLEC) akan mengadakan Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi 2023/2024 pada ketetapan berikut:

**Tarikh : 18 – 28 Jun 2024**  
**Masa : 9.00 Pagi - 5.00 Petang**  
**Tempat : Universiti Malaysia Sabah (UMS)**

3. Sehubungan dengan itu, pihak UMSFLEC ingin memohon jasa baik YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan untuk memberikan kebenaran dan pelepasan kepada kakitangan di bawah seliaan YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan bagi menghadiri peperiksaan akhir semester 2 sesi 2023/2024 tersebut. Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pejabat Pentadbiran UMSFLEC di talian 088-329380.

Pertimbangan YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**DR. LIM THIEN SANG**

Pengarah

s.k - Ketua Pentadbiran UMSFLEC  
- Fail

BERTEKAD CEMERLANG



Certified to ISO9001:2015  
Cert. No: QMS 01200

[www.ums.edu.my](http://www.ums.edu.my)